

**Kesantunan Bahasa dalam Novel KOMSAS *Silir Daksina***

***Language Politeness in Literary Component (KOMSAS) Silir Daksina's Novel***

Nor Hani Suhaimi  
[2022440926@student.uitm.edu.my](mailto:2022440926@student.uitm.edu.my)

Mohamad Nik Mat Pelet  
[nikmat@uitm.edu.my](mailto:nikmat@uitm.edu.my)

Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi Mara (UiTM),  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

**Published:** 14 Februari 2024

**To cite this article (APA):** Suhaimi, N. H., & Pelet, M. N. M. (2024). Kesantunan Bahasa dalam Novel KOMSAS Silir Daksina. *PENDETA*, 15(1), 16–26. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.2.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.2.2024>

**ABSTRAK**

Kesantunan bahasa adalah penggunaan bahasa baik dan beradab serta menunjukkan penghormatan yang dapat menggambarkan peribadi mulia seseorang penutur. Novel-novel sastera kini dijadikan sebagai novel KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu khususnya bagi murid sekolah menengah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti maksim kesantunan dalam dialog penceritaan novel *Silir Daksina* dan menganalisis berdasarkan Prinsip Kesantunan oleh Leech (1983). Pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis teks digunakan untuk menganalisis data dalam kajian yang dijalankan. Novel *Silir Daksina* oleh Nizar Parman (2010), digunakan sebagai data kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa semua enam maksim yang diperkenalkan oleh Leech (1983) digunakan dalam ujaran dialog novel *Silir Daksina*. Implikasi daripada kajian ini mampu memberi pendedahan kepada pembaca dan masyarakat berkenaan kepentingan penggunaan bahasa yang santun dalam sesebuah karya penulisan. Penggunaan bahasa dalam sesebuah karya penulisan yang diguna pakai untuk pembelajaran mencerminkan pembentukan generasi itu sendiri. Justeru, unsur kesantunan boleh memberi impak positif terhadap penggunaan bahasa murid sekolah menengah sekiranya ia diterapkan secara langsung dalam bahan pengajaran dan pembelajaran.

**Kata Kunci:** kesantunan bahasa; novel KOMSAS Silir Daksina

**ABSTRACT**

*Language politeness is the use of good and civilized language and shows respect that can reflect the honorable personality of a speaker. Literary novels are now used as Literary Component (KOMSAS) novels in Malay subjects, especially for secondary school students. This study aims to identify the maxims of politeness in the narrative dialogue of Silir Daksina's novel and analyze it based on the Principles of Politeness by Leech (1983). A qualitative approach by applying the text analysis method was used to analyze the data in the conducted study. The novel Silir Daksina by Nizar Parman (2010) was used as a research data. The findings of the study found that all six maxims introduced by Leech (1983) are used in the dialogue utterances of Silir Daksina's novel. The implications of this study can give exposure to readers and the community regarding the importance of using polite language in a piece of writing. The use of language in a piece of writing used for learning reflects the formation of the generation itself. Therefore, the element of politeness can have a positive impact on the language use of secondary school students if it is applied directly in teaching and learning materials.*

**Keywords:** language politeness; *Silir Daksina's* KOMSAS novel

## **PENGENALAN**

Kesantunan dalam berbahasa merupakan aspek yang sangat penting dalam komunikasi harian manusia. Ahmad Fuad Mat Hassan et al. (2020) menjelaskan kesantunan berbahasa sebagai teras utama dalam sesuatu komunikasi antara penutur masyarakat. Kesantunan yang digunakan baik secara lisan atau tulisan adalah sebagai tanda untuk menunjukkan kesopanan ketika berbahasa. Asmah Hj. Omar (2000) juga berpendapat kesantunan berbahasa ini sebagai penggunaan bahasa harian yang tidak mempunyai unsur kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung daripada pendengar. Justeru, aspek kesantunan semasa menggunakan bahasa sangat penting dalam kalangan masyarakat Melayu kerana aspek ini mencerminkan budaya sesuatu masyarakat itu.

Selain itu, kesantunan dalam berbahasa merangkumi pelbagai aspek yang bukan sahaja diteliti melalui komunikasi bersemuka sahaja (Sara Beden, 2020). Kesantunan berbahasa dalam penulisan juga perlu dititikberatkan bagi memastikan penggunaan bahasa yang sopan digunakan dalam karya-karya sastera atau penulisan ilmiah khususnya. Kesantunan dalam penulisan dapat meninggalkan kesan positif kepada pembaca (Ayuni Mohamad Bakari, 2017). Hal ini demikian kerana, penulisan yang mempunyai unsur bahasa yang baik dan sopan santun mampu menyentuh perasaan para pembaca. Justeru, dapat difahamkan bahawa penggunaan unsur kesantunan baik secara lisan atau tulisan adalah satu bentuk bahasa yang menjadikan sesebuah masyarakat memandang tinggi terhadap penutur yang menggunakannya.

Pendidikan merupakan salah satu medium untuk mewujudkan generasi yang mempunyai kesopanan budi bahasa yang tinggi. Sistem Pendidikan negara telah berlaku transformasi selaras dengan pembangunan negara dari semasa ke semasa (Husairi Hussin, Nor Hasimah Ismail dan Mohd Isha Awang, 2020). Pendidikan khususnya subjek Bahasa Melayu amat penting bagi memastikan generasi muda faham akan peranan mereka untuk bangga dengan bahasa kebangsaan di Malaysia. Bukan itu sahaja, pembentukan kurikulum dalam menguasai penulisan kreatif dan bukan kreatif bagi subjek Bahasa Melayu adalah bertujuan untuk menyediakan murid-murid dengan cara komunikasi dan berbahasa yang betul. Justeru, pembelajaran subjek melibatkan karya-karya sastera telah diperkenalkan dalam sukatan subjek Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah untuk para murid. Kandungan karya-karya sastera yang dijadikan sebagai sebahagian daripada pembelajaran mestilah mengandungi unsur-unsur positif bagi memastikan pelajar bukan sahaja mendapat ilmu teori malah, dapat mempelajari unsur-unsur lain seperti unsur kesantunan sebagaimana dapatan kajian yang dilakukan ini.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Chew Fong Peng dan Nurmaziah Majelan (2019) berpendapat bahawa pendidikan sastera dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Melayu di sekolah-sekolah perlu diperkukuhkan lagi untuk memastikan kualiti pelajar yang berdaya saing dan mampu berdepan dengan cabaran masa depan. Justeru, usaha memperkasa kandungan kemahiran yang diajar kepada pelajar di sekolah sering dinilai oleh panel yang telah diberi tanggungjawab oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan ia selari dengan misi dan visi KPM untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan dan berpengetahuan. Antaranya ialah karya sastera yang diperkenalkan dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah. Karya penulisan Komponen Sastera (KOMSAS) telah diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah bermula tahun 2000 dalam subjek pembelajaran Bahasa Melayu bagi murid tingkatan satu sehingga tingkatan lima (Abdul Rasid Jamian et al., 2020). Keberkesanan novel KOMSAS dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah mula diuji di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2001. Pembelajaran karya-karya sastera boleh membantu memupuk keyakinan untuk berkomunikasi menggunakan bahasa yang halus dan saling berbudi bahasa sesama penutur.

Pelaksanaan pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu juga mampu memberi galakan kepada para murid untuk membaca dan memahami pelbagai genre sastera seperti sajak, cerpen, puisi, dan novel. Walau bagaimanapun, kajian melibatkan novel KOMSAS kurang memfokuskan kajian aspek bahasa dalam kandungannya. Abdul Rasid Jamian et al. (2020) berpendapat bahawa penggunaan pembelajaran KOMSAS hanya digunakan untuk merangsang pembelajaran Bahasa Melayu dalam

kalangan pelajar. Justeru, difahamkan bahawa kebanyakan kajian melibatkan novel-novel KOMSAS kurang menumpukan terhadap analisis kesantunan melibatkan teori bahasa. Hal ini demikian kerana, kajian yang melibatkan pembelajaran novel KOMSAS lebih menumpukan terhadap nilai-nilai murni dan pengajaran dalam kandungan jalan ceritanya.

Novel KOMSAS *Silir Daksina* merupakan karya sastera yang dikarang oleh Nizar Parman. Novel ini telah diterbitkan oleh Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd pada tahun 2010 untuk terbitan pertama. Selain itu, novel ini menjadi novel KOMSAS dalam pembelajaran subjek Bahasa Melayu murid Tingkatan Lima khususnya di sekolah-sekolah di zon negeri Johor, Labuan, Sabah dan Sarawak daripada tahun 2016 sehingga tahun 2021. Terdapat 16 bahagian bab daripada 289 halaman terkandung dalam novel tersebut yang berlatarbelakangkan tarian seni zapin di sebuah kampung dan hubungan kekeluargaan antara watak-watak utama. Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis maksim kesantunan dalam ujaran dialog novel KOMSAS *Silir Daksina* oleh Nizar Parman (2010).

## SOROTAN LITERATUR

Kajian melibatkan kesantunan bahasa atau pengajaran dan pembelajaran KOMSAS telah banyak dikaji oleh para pengkaji terdahulu. Kajian daripada Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidan Kamaruddin (2019) membincangkan kesantunan bahasa yang terdapat dalam sebuah teks drama iaitu drama Zahira. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam melakukan analisis terhadap hasil transkripsi daripada drama yang dikaji. Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidah Kamaruddin (2019) mengaplikasikan Prinsip Kesantunan oleh Leech (1983) untuk mengkategorikan maksim-maksim kesantunan yang terdapat dalam dialog drama Zahira. Hasil kajian mendapati bahawa keenam-enam maksim kesantunan Leech terkandung dalam dialog-dialog drama yang dikaji dan maksim persetujuan merupakan maksim yang paling dominan penggunaan ujarannya.

Sara Beden (2019) pula melihat kesantunan bahasa yang terdapat dalam penulisan artikel. Pengkaji memilih pendekatan kualitatif untuk mengenal pasti unsur kesantunan dalam artikel bagi Ruang Agenda Bahasa daripada majalah Dewan Bahasa yang diterbitkan pada Julai, 2018. Kajian ini turut menggunakan maksim kesantunan daripada Leech (1983) sebagai salah satu model teori yang diguna pakai dalam kajian tersebut bagi melakukan penganalisan data. Manakala kajian Sara Beden (2020) membincangkan kesantunan bahasa dalam perutusan yang disampaikan oleh pemimpin bagi topik berkenaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin. Kaedah kualitatif dan penggunaan maksim kesantunan daripada Prinsip Kesantunan Leech (1983) turut diguna pakai dalam kajian ini oleh pengkaji untuk mengkategorikan dapatan kajian yang dikenal pasti.

Seterusnya, kajian Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani dan Rohaya Md. Ali (2018) membincangkan kesantunan bahasa yang terdapat dalam novel sastera *Lentera Mustika* karya Nisah Haron tahun 2009. Pengkaji hanya memilih beberapa bab untuk memilih data kajian dalam novel yang dikaji. Kajian ini memilih pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan Prinsip Kesantunan daripada Leech (1983) untuk melakukan penganalisan data. Hasil kajian menunjukkan dialog-dialog perbualan dalam novel *Lentera Mustika* memenuhi keenam-enam maksim kesantunan yang dipelopori oleh Leech (1983). Mohd Haniff et al., (2018) turut menyimpulkan bahawa penggunaan kesantunan dalam sesebuah penulisan secara tidak langsung mendidik para pembaca untuk berkomunikasi secara sopan sesama penutur.

Aspek kesantunan bahasa juga telah diteliti dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan mengaplikasikan prinsip kesantunan daripada Leech (1983) bagi kajian Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan dan Nik Norazira Abd Aziz (2023). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam melakukan pengutipan data. Sebanyak 272 orang belia yang berbangsa Melayu, Cina dan India dipilih sebagai responden kajian. Prinsip Kesantunan Leech (1983) digunakan untuk mengkategorikan data dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa maksim santun, maksim budiman dan maksim persetujuan merupakan maksim yang sering diguna pakai oleh masyarakat di Malaysia ini. Pengkaji turut merumuskan bahawa ketiga-tiga maksim tersebut diguna pakai bagi memastikan komunikasi antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini sentiasa dalam keadaan harmoni dengan menitikberatkan budi bahasa yang santun.

Kajian Muhammad Nurhazwan Sabirin, Nur Farakhanna Mohd Rusli dan Norfaizah Abdul Jobar (2021) membincangkan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam ujaran maklum balas di laman muka buku UPSI *Confession*. Kaedah kualitatif telah diguna pakai dalam kajian ini untuk mengenal pasti unsur kesantunan dalam medium yang dikaji. Kajian ini mengaplikasikan Prinsip Kesantunan daripada Leech (1993) yang mengkategorikan kesantunan kepada enam maksim. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua enam maksim berjaya dikenal pasti dalam laman muka buku UPSI *Confession*. Manakala kajian Mohamad Zaki Abdul Halim dan Melor Fauzita Md. Yusoff (2020) turut membincangkan tentang kesantunan bahasa. Namun, pengkaji bagi kajian ini memilih teori kesantunan daripada Asmah Hj. Omar (1996) untuk mengkategorikan unsur kesantunan yang dikenal pasti dalam sebuah skrip drama.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Husairi Hussin et al. (2020) lebih memfokuskan kepada perbincangan pembelajaran novel KOMSAS dalam kalangan murid. Kajian ini lebih menumpukan terhadap nilai-nilai perpaduan kaum yang diperolehi daripada kandungan pembelajaran novel KOMSAS berbanding meneliti aspek bahasa. Begitu juga dengan kajian Abdul Rasid Jamian et al. (2020) yang membincangkan kepentingan penggunaan KOMSAS dalam bahan pengajaran dan pembelajaran para murid sekolah menengah. Kajian ini menghuraikan persepsi daripada para murid berkenaan keberkesanan pembelajaran KOMSAS dalam subjek Bahasa Melayu. Dapatan perbincangan mendapati bahawa para murid kurang berminat dalam mempelajari KOMSAS disebabkan oleh cara pembelajaran yang disediakan oleh para guru.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa telah banyak kajian-kajian lepas dijalankan yang melihat kesantunan bahasa dalam pelbagai medium dan pelbagai aspek. Kebanyakan kajian meneliti aspek kesantunan bahasa melalui medium teks seperti teks novel, skrip drama, ujaran di ruangan media sosial dan ujaran masyarakat yang telah ditranskripsi dalam bentuk teks. Perbincangan kajian-kajian terdahulu yang dijalankan lebih memfokuskan untuk memilih teori kesantunan daripada sarjana barat seperti Leech (1983). Kajian yang membincangkan kegunaan dan kepentingan pembelajaran KOMSAS juga dikupas secara ringkas pada bahagian ini. Hasil perbincangan kajian terdahulu boleh dijadikan sebagai panduan bagi menggambarkan pemahaman yang lebih terperinci berkenaan kesantunan bahasa khususnya dalam penulisan teks seperti novel.

## **METODOLOGI KAJIAN**


Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Menurut Creswell (2014), pendekatan kualitatif merupakan sebuah penyelidikan berkenaan penerokaan sesuatu isu permasalahan yang dikenal pasti. Secara umumnya kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk deskriptif yang mengenal pasti unsur kesantunan dalam dialog penceritaan novel KOMSAS yang dipilih. Kaedah analisis teks digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data kajian.

Data bagi kajian ini adalah teks sastera novel KOMSAS Silir Daksina. Novel KOMSAS ini mempunyai 16 bab dan kajian yang dijalankan hanya memfokuskan bab 1 sehingga bab 3 sahaja bagi melakukan pengumpulan data. Data kajian merupakan ujaran kesantunan yang dikenal pasti daripada dialog-dialog dalam novel KOMSAS yang dikaji. Data kajian dilabelkan seperti B1H4 iaitu B1 merujuk kepada bab satu manakala H4 merujuk kepada halaman empat. Pelabelan bertujuan memastikan data yang dianalisis dapat dikenal pasti dengan mudah. Justeru, proses pelabelan bagi setiap dialog yang digunakan sebagai data membantu pengkaji melakukan penganalisan dengan mudah.

## **KERANGKA TEORI**

Pengkaji menggunakan Prinsip Kesantunan Leech (1983) dalam menjalankan kajian ini. Leech mengemukakan enam maksim kesantunan. Leech (1983) turut menjelaskan bahawa kesopanan atau kesantunan sebagai strategi dalam sesuatu komunikasi bagi mengelak perbalahan dan pergaduhan berlaku (Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidah Kamaruddin, 2019). Justeru, penutur boleh mengaplikasikan maksim ini dalam komunikasi untuk memastikan proses interaksi sentiasa dalam

keadaan yang harmoni. Rajah 1 menunjukkan jenis maksim kesantunan yang dikemukakan oleh Geoffrey Leech (1983):



Rajah 1: Maksim Kesantunan oleh Geoffrey Leech dalam *Principles of Pragmatics* (1983)

Berikut merupakan penjelasan bagi setiap maksim yang dikemukakan oleh Leech (1983):

**i. Maksim santun:**

Maksim santun merupakan maksim yang melebihkan penggunaan ujaran yang mementingkan adab. Maksim ini menggalakkan ujaran yang memberi keuntungan maksimum dan kerugian minimum terhadap pendengar semasa dalam sesuatu komunikasi (Mohd Haniff et al., 2018). Jadi, dapat difahamkan bahawa maksim santun adalah maksim yang melibatkan ujaran yang penuh sopan santun dalam sesuatu perbualan daripada si penutur.

**ii. Maksim kedermawanan:**

Maksim kedermawanan merupakan maksim yang memaksimumkan kerugian terhadap si penutur. Maksim ini lebih memfokuskan diri sendiri dalam sesuatu perbualan untuk menunjukkan kesantunan kepada orang lain (Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan & Nik Norazira Abd Aziz, 2023). Jadi difahamkan bahawa maksim ini melebihkan ujaran yang memberi keuntungan minimum kepada diri sendiri sebaliknya kelebihan terhadap pendengar.

**iii. Maksim sokongan:**

Maksim sokongan merupakan maksim yang digunakan oleh penutur dengan memaksimumkan pujian dan mengurangkan cacian terhadap orang lain. Mohd Haniff et al. (2018) menjelaskan maksim sokongan sebagai penggunaan kata yang manis dan diujarkan dengan baik di samping mengelak daripada menggunakan sebarang bentuk cacian dalam sesuatu perbualan. Jadi difahamkan bahawa maksim ini mementingkan penggunaan ujaran yang mempunyai unsur pujian dan mengelak daripada mengucapkan sebarang cacian kepada pendengar lain.

**iv. Maksim kerendahan hati:**

Maksim kerendahan hati mempunyai perbezaan dengan maksim sokongan kerana maksim ini lebih memfokuskan diri sendiri berbanding pendengar atau orang lain. Mohd Haniff et al. (2018) menjelaskan maksim kerendahan hati sebagai maksim yang memaksimumkan cacian dan mengurangkan pujian terhadap diri sendiri sebagai penutur. Jadi difahamkan bahawa maksim ini melibatkan penutur menafikan sesuatu pujian yang diterima daripada orang lain dengan ujaran yang sopan.

**v. Maksim persetujuan:**

Maksim persetujuan merupakan maksim yang mementingkan persepakatan dengan orang lain dengan meminimumkan perbalahan dalam sesebuah komunikasi. Maksim ini digunakan apabila penutur memberi persetujuan dan tidak menentang terhadap sesuatu perkara yang diperkatakan oleh orang lain (Mohd Haniff et al., 2018). Jadi difahamkan bahawa maksim persetujuan lebih mementingkan permuafakatan antara penutur dengan memastikan kata sepakat berjaya diperoleh di akhir perbualan.

**vi. Maksim simpati:**

Maksim simpati mementingkan unsur bertimbang rasa antara diri sendiri dengan orang lain. Maksim ini mengurangkan antipati atau rasa benci terhadap pihak yang dilawan bicara semasa dalam sesebuah

komunikasi perbualan (Mohd Haniff et al., 2018). Jadi difahamkan bahawa maksim simpati digunakan untuk menunjukkan rasa dukacita yang dialami oleh orang lain atau pendengar lain.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ujaran perbualan dalam novel KOMSAS *Silir Daksina* ini mempunyai ciri-ciri maksim yang dikaji. Data kajian dianalisis dalam bentuk dialog bagi sesuatu peristiwa yang berlaku dalam novel tersebut. Berikut adalah contoh dapatan kajian yang dihuraikan bagi setiap maksim oleh Prinsip Kesantunan Leech (1983):

### *i. Maksim santun*

Maksim santun adalah penggunaan ujaran yang mengurangkan kos dan menambahkan manfaat terhadap orang lain (Mohd Haniff et al., 2018). Dalam erti kata lain, maksim ini melibatkan penutur menjamin faedah daripada hasil pertuturannya yang sopan serta dapat mengelak daripada kerugian berlaku terhadap si pendengar. Berikut merupakan contoh data bagi situasi yang menggunakan maksim santun dalam dialog perbualan novel *Silir Daksina*:

Jadual 1: Maksim Santun

Data
1. “ <b>Tak mengapa, cikgu.</b> Ai Ling baca buku ini,” (B3H55)
2. “ <b>Tak apalah,</b> tauke. Biarlah mereka berlatih. Lagipun mereka akan membuat persembahan di depan YB hujung bulan ni,” (B3H20)

Berdasarkan Jadual 1, dialog-dialog tersebut diklasifikasi sebagai maksim santun. Dialog pertama ditandai dengan maksim santun dengan ujaran yang digunakan oleh watak Ai Ling, iaitu “**Tak mengapa**” bagi mengurangkan rasa bersalah Cikgu Zam kerana lambat. Seterusnya, ujaran “**Tak apalah**” dalam dialog kedua digunakan oleh Cikgu Zam untuk memberitahu watak Tauke Lim supaya membiarkan warga kampung lain terus berlatih tarian zapin tanpa mengganggu mereka dengan kehadirannya.

Selain itu, ujaran “**cikgu**” yang terdapat dalam dialog pertama juga menunjukkan penggunaan kata sapaan. Penggunaan kata tersebut digunakan oleh watak Ai Ling sebagai gelaran Cikgu Zam yang merupakan guru di sekolahnya. Penggunaan kata sapaan “**Cikgu**” adalah sebagai panggilan hormat dan relevan digunakan dalam konteks yang melibatkan individu mempunyai status guru. Oleh itu, Ai Ling menggunakan panggilan “**cikgu**” kerana bersesuaian status yang dimiliki oleh watak Cikgu Zam. Bertepatanlah dengan salah satu konsep maksim santun yang memaksimumkan faedah terhadap orang lain melalui pemberian kata hormat yang santun dan layak diterima oleh seseorang individu tersebut.

### *ii. Maksim kedermawanan*

Maksim kedermawanan dikenali juga sebagai maksim budiman. Sara Beden (2020) menjelaskan bahawa maksim ini dapat dikenal pasti berdasarkan sifat pemurah dalam setiap perkara tanpa mengira beban yang ditanggung. Dalam erti kata lain, maksim ini menguntungkan orang lain dengan menggunakan ujaran yang sopan santun. Berikut merupakan contoh data bagi situasi yang mempunyai maksim kedermawanan dalam dialog perbualan novel *Silir Daksina*:

Jadual 2: Maksim kedermawanan

Data
1. “Oh ... bukan apa, tauke. Hari-hari pun saya pergi sekolah itu juga. <b>Tapi kalau tauke tak izinkan, saya pun tak berkecil hati,</b> ” (B3H42)

Berdasarkan Jadual 2, ujaran tersebut diklasifikasikan sebagai maksim kedermawanan. Penggunaan ujaran “**Tapi kalau tauke tak izinkan, saya pun tak berkecil hati**” menerangkan bahawa penutur cuba untuk memudahkan urusan si pendengar dengan cara yang santun tanpa memalukannya. Watak Cikgu Zam cuba untuk menumpangkan anak Tauke Lim ke sekolah setiap hari kerana kedua-duanya pergi ke sekolah yang sama. Oleh itu, Cikgu Zam dengan sopan meminta izin kepada orang

yang dilawan tutur, iaitu Tauke Lim dengan menyatakan bahawa tiada sebarang beban yang akan ditanggung oleh penutur itu sendiri atas pertolongan yang ingin diberikan. Hal ini bertepatan dengan maksim kedermawanan yang dipelopori oleh Leech (1983) untuk memberi kelebihan kepada orang lain dengan mengurangkan keuntungan terhadap diri sendiri.

### iii. Maksim sokongan

Maksim sokongan merupakan maksim yang memberi pujian dan mengurangkan cacian terhadap orang lain (Sara Beden, 2020). Dalam erti kata lain, maksim ini bertujuan untuk menimbulkan rasa senang hati dalam diri orang lain dengan menggunakan kata-kata pujian yang sopan. Berikut merupakan contoh data bagi situasi yang menggunakan maksim sokongan dalam dialog perbualan novel *Silir Daksina*:

Jadual 3: Maksim sokongan

Data	
1.	“Saya faham apa yang cikgu rasa. Tapi saya percaya, <b>cikgu kuat dan tabah</b> , macam arwah ayah cikgu dulu. Kalau cikgu selalu susah hati, macam mana mahu bikin kerja? <b>Orang di sini pun semua sayang sama cikgu</b> . Di warung pun selalu mereka cakap, <b>sejak cikgu balik ke sini, banyak kegiatan dapat dijalankan. Nama kampung pun sudah naik.</b> ” (B3H44)
2.	“Dia kata, Cikgu Amirul Nizam <b>hebat!</b> ” (B3H64)
3.	“ <b>Rajinnya</b> Ai Ling ni!” (B3H89)
4.	“Cikgu pun <b>rajin</b> juga. Sempat buat teh susu!” (B3H90)
5.	“Bila cikgu nak bawa Aiman ke sini? Nanti boleh Ai Ling berkenalan dengannya. <b>Tentu dia rajin dan baik macam cikgu</b> juga,” (B3H93)

Berdasarkan Jadual 3, dialog-dialog tersebut mempunyai unsur maksim sokongan. Terdapat beberapa ujaran dalam dialog pertama oleh Tauke Lim yang menunjukkan unsur sokongan terhadap penutur yang dilawan tutur, iaitu Cikgu Zam. Antaranya adalah ujaran “**cikgu kuat dan tabah**”, “**Orang di sini pun semua sayang sama cikgu**”, “**sejak cikgu balik ke sini, banyak kegiatan dapat dijalankan**” dan “**Nama kampung pun sudah naik**”. Berikut adalah pujian daripada Tauke Lim kepada Cikgu Zam untuk cuba mengembalikan semangatnya selepas sedih mengingati kisah silam dalam perbualan mereka. Justeru, Tauke Lim cuba untuk menenangkan hati Cikgu Zam dengan memberi kata-kata positif dan pujian atas sumbangan yang telah diberikannya sepanjang berada di kampung halaman mereka. Bertepatanlah dengan konsep maksim sokongan oleh Leech (1983) yang memaksimumkan pujian terhadap orang yang dilawan tutur.

Selain itu, ujaran “**hebat!**”, “**rajinnya**”, “**rajin**” dan “**Tentu dia rajin dan baik macam cikgu**” merupakan pujian yang diberikan oleh penutur kepada orang lain. Pujian-pujian yang diberikan dalam setiap dialog tersebut adalah bertujuan untuk menghargai orang yang dilawan tutur. Contohnya dalam dialog keempat dalam Jadual 3 menunjukkan watak Ai Ling yang memuji Cikgu Zam “**rajin**” kerana menyediakan air minuman untuknya. Ayuni Mohamad Bakari dan Rohaidah Kamaruddin (2019) menjelaskan bahawa sesuatu pujian yang diberikan mampu menjamin hubungan antara penutur ke arah lebih positif. Hal ini bertepatan dengan konsep maksim sokongan oleh Leech (1983) yang memaksimumkan pujian terhadap orang lain.

### iv. Maksim kerendahan hati

Maksim kerendahan hati atau maksim rendah diri adalah maksim yang mengurangkan kata-kata pujian dan memaksimumkan kerugian terhadap diri sendiri. Sara Beden (2020) menjelaskan bahawa maksim ini dapat dikenal pasti berdasarkan tingkah laku seperti meminta maaf bagi memastikan orang lain tidak tersinggung dengan apa-apa yang diperkatakan. Berikut merupakan contoh data bagi situasi yang menggunakan maksim kerendahan hati dalam dialog perbualan novel *Silir Daksina*:

Jadual 4: Maksim kerendahan hati

Data	
1.	“ <b>Bukan saya seorang, tauke</b> . Mereka pun membantu dalam banyak perkara. Tauke pun apa kurangnya. Kalau nak dihitung sumbangan tauke, <b>tak cukup gaji saya sebulan untuk membayarnya!</b> ” (B3H44)
2.	“ <b>Maafkan</b> aku kalau pertanyaan aku tadi keterlaluan,” (B2H14)
3.	“ <b>Maaf</b> , Ai Ling. Cikgu ada perbincangan dengan Cikgu Zanariah tadi.” (B3H55)

Berdasarkan Jadual 4, ujaran-ujaran tersebut menepati unsur maksim kerendahan hati. Ujaran “**Bukan saya seorang, tauke.**” dan “**tak cukup gaji saya sebulan untuk membayarnya!**” menunjukkan unsur rendah diri dengan mengurangkan pujian dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri. Ujaran tersebut adalah daripada Cikgu Zam kepada Tauke Lim yang memberi pujian terhadap dirinya. Oleh hal yang demikian, Cikgu Zam membalas dengan merendah diri bahawa segala sumbangan yang diberikannya adalah berkat daripada usaha orang kampung juga bukanlah usaha seorang diri. Bukan itu sahaja, Cikgu Zam meminimumkan lagi pujian terhadap diri sendiri dengan menyatakan bahawa sumbangan Tauke Lim kepada kampung mereka adalah lebih besar berbandingnya. Bertepatanlah dengan konsep maksim kerendahan hati bahawa maksim ini menafikan pujian yang diterima secara rendah diri melalui ujaran yang sopan.

Selain itu, kata “**maaf**” dalam dialog kedua dan ketiga menggambarkan unsur kerendahan hati dengan jelas. Penutur menggunakan ungkapan “**maaf**” sekiranya beranggapan telah menyakiti hati atau melakukan kesalahan terhadap pendengar (Mohd Haniff et al., 2018).

Justeru, kedua-dua dialog tersebut menepati maksim kerendahan hati kerana setiap penutur mempunyai kesedaran untuk merendahkan maruah mereka dengan memohon maaf atas kesilapan yang dilakukan.

#### v. Maksim persetujuan

Maksim persetujuan merupakan cara untuk mengurangkan ketidaksefahaman antara penutur dalam sesuatu komunikasi. Mohd Haniff et al. (2018) menjelaskan bahawa maksim ini melibatkan ujaran yang menambahkan persepakatam antara diri sendiri dengan orang lain. Berikut merupakan contoh data bagi situasi yang mempunyai maksim persetujuan dalam dialog perbualan novel Silir Daksina:

Jadual 5: Maksim persetujuan

Data
1. “Adakah lagi orang yang mahu mendengar, tauke?” “Siapa kata tak ada? Saya ada. Pak Dolah pun mahu dengar juga! Betul tak Pak Dolah?” “ <b>Betul cakap Tauke Lim</b> tu cikgu. Cubalah. Seronok tengok anak-anak muda berkumpul di balai raya macam dulu...” (B3H63)

Berdasarkan Jadual 5, dialog tersebut mempunyai unsur maksim persetujuan antara penutur. Ujaran “**Betul cakap Tauke Lim**” menunjukkan persetujuan antara Pak Dolah dan Tauke Lim. Tauke Lim menyatakan bahawa Cikgu Zam perlu kembali membaca sajak semula seperti zaman mudanya. Justeru, Pak Dolah menyetujui pernyataan Tauke Lim dengan ujaran “**Betul cakap Tauke Lim**” bagi menyedarkan Cikgu Zam bahawa ramai rindu untuk mendengar beliau membaca sajak semula.

Dialog tersebut menggunakan pernyataan yang menunjukkan kerjasama antara penutur dalam menyetujui sesuatu supaya kesantunan dalam perbualan dapat dipelihara ketika itu. Dibuktikan apabila Tauke Lim yang menyebut nama Pak Dolah dalam ujarannya dan Pak Dolah menyetujui perkara yang disampaikan oleh Tauke Lim. Bertepatanlah dengan konsep maksim persetujuan yang melibatkan persepakatam dalam sesuatu perbualan.

#### vi. Maksim simpati

Maksim simpati meminimumkan rasa benci atau antipati terhadap orang lain sebaliknya mempunyai rasa simpati yang tinggi dalam sesuatu perkara. Maksim ini boleh dikenal pasti melalui sikap mengambil berat dengan masalah yang dihadapi oleh orang lain (Sara Beden, 2020). Berikut merupakan contoh data bagi situasi yang menggunakan maksim simpati dalam dialog perbualan novel Silir Daksina:

Jadual 6: Maksim simpati

Data
1. “ <b>Sabarlah</b> , cikgu. Tapi saya percaya, nanti suatu hari mesti dia akan datang cari cikgu. Percayalah cakap saya.” (B3H44)
2. “ <b>Kasihannya</b> , cikgu, sejak atuk tak ada, cikgu hidup sendiri. Ai ling tahu, cikgu sunyi. Sebab tu mama dan papa tak marah kalau Ai Ling temankan cikgu.” (B3H83)



Berdasarkan Jadual 6, ujaran-ujaran tersebut menepati unsur maksim simpati. Ujaran “**Sabarlah,**” dalam dialog pertama menunjukkan Tauke Lim bersimpati dengan nasib Cikgu Zam yang merindui anak lelakinya setelah lama tidak berjumpa selepas bercerai bersama si isteri. Hal ini membuktikan bahawa Tauke Lim mengambil berat akan nasib Cikgu Zam dengan menggunakan ungkapan sopan dalam memberi kata-kata semangat kepadanya. Hal ini bertepatan dengan salah satu konsep maksim simpati yang memaksimumkan simpati antara penutur dalam sesebuah perbualan.

Selain itu, ungkapan “**kasihan**” dalam dialog kedua dalam Jadual 6 memperlihatkan maksim simpati yang jelas. Hal ini demikian kerana, ungkapan tersebut digunakan oleh Ai Ling untuk menyatakan perasaan belas kasihan terhadap Cikgu Zam yang tiada ahli keluarga lain bersamanya. Sara Beden (2020) menyatakan bahawa menzahirkan simpati terhadap orang lain dalam kesusahan adalah perkara yang beradab untuk dilakukan. Justeru, ujaran tersebut bersesuaian dengan maksim simpati yang mengambil berat masalah pendengar lain.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis dapatan, semua keenam-enam maksim daripada Prinsip Kesantunan Leech (1983) berjaya dikenal pasti dalam novel *Silir Daksina* bermula bab 1 sehingga bab 3. Dialog yang menepati unsur maksim sokongan adalah kesantunan yang paling banyak dikenal pasti. Hal ini disebabkan oleh penggunaan ujaran yang berorientasikan pujian terhadap orang lain sering digunakan oleh watak-watak dalam novel tersebut. Perkara ini bagi menjamin kesantunan dalam komunikasi sentiasa terjaga. Dalam pada itu, maksim kerendahan hati adalah antara maksim yang sering digunakan juga dalam dialog-dialog perbualan novel *Silir Daksina*. Hal ini membuktikan bahawa, watak-watak dalam novel ini mementingkan komunikasi yang penuh santun dengan cuba meminimumkan pujian terhadap diri sendiri sebaik mungkin. Menurut Tuan Siti Nurul Suhadah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2023), cerita-cerita rakyat banyak menyampaikan elemen akal budi yang dizahirkan melalui penceritaan berbentuk penjagaan tutur kata, perlakuan baik hati, sifat kasih sayang terhadap nyawa dan sebagainya yang membuktikan elemen kesantunan dititikberatkan sejak dahulu lagi melalui bidang sastera sebagaimana novel *Silir Daksina*. Unsur-unsur kesantunan yang ditekan dalam novel tersebut mampu meningkatkan akal budi murid-murid bagi membentuk jati diri yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, contoh dialog yang mempunyai unsur maksim persetujuan agak terhad untuk dijumpai. Hal ini demikian kerana, isu-isu yang memerlukan persetujuan kurang dibicarakan dalam novel yang dikaji. Walau bagaimanapun, unsur maksim lain seperti yang diperkenalkan Leech (1983), iaitu maksim simpati, maksim sokongan dan maksim kedermawan turut digunakan dalam menyampaikan dialog-dialog dalam novel tersebut. Tujuannya adalah untuk memastikan pelajar secara tidak langsung mampu memahami maksud yang ingin disampaikan malah, mampu menerapkan maksim-maksim kesantunan tersebut dalam kehidupan seharian mereka apabila berada dalam sesuatu yang sesuai untuk mengaplikasikan maksim-maksim kesantunan sebagaimana yang diperkenalkan oleh Leech (183). Oleh itu, jelaslah bahawa maksim-maksim kesantunan yang dikemukakan oleh Leech (1983) membantu penutur untuk berkomunikasi dengan penuh beradab supaya sesebuah perbualan ke arah yang lebih baik dan konflik juga dapat dielakkan. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa unsur-unsur kesantunan bahasa dalam Novel KOMSAS *Silir Daksina* sesuai untuk diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Tujuannya adalah untuk membentuk jati diri dan akal budi murid-murid sejak dari bangku sekolah lagi agar dapat menghayati dan menjiwai unsur kesantunan bahasa dan akhirnya diterapkan dalam kehidupan seharian mereka. Sebagaimana kajian oleh Hairul Anuar dan Mohd Azam (2022) menyatakan melalui karya sastera mampu memberi pengaruh terhadap perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang yang mendukung kehalusan jiwa melalui kesantunan yang diamalkan termasuklah keindahan bahasa dan kebijaksanaan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian melibatkan novel KOMSAS perlu diberi perhatian dari aspek bahasa selain meneliti nilai dan pengajaran dalam kandungannya. Hal ini demikian kerana, dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa novel KOMSAS mempunyai pelbagai aspek untuk dijadikan tumpuan kajian bagi membantu murid-murid memahami bahan pembelajaran mereka secara lebih mendalam sebagaimana pendapat Nur Alisha Mengga (2023) yang menyatakan konsep jati diri generasi sekarang perlu dibentuk dalam pelbagai cara termasuklah meneroka dan belajar melalui unsur sastera seperti penggunaan peribahasa yang menerapkan nilai-nilai positif.

Secara keseluruhannya, aspek kesantunan amat dititikberatkan penggunaannya dalam novel KOMSAS Silir Daksina. Hal ini disebabkan oleh penggunaan novel tersebut diguna pakai dalam kalangan murid sekolah yang merupakan pemangkin kemajuan negara dan bangsa. Dari segi implikasi, kajian ini mampu memberi pendedahan kepada pembaca dan masyarakat berkenaan kepentingan penggunaan bahasa yang santun dalam sesebuah karya penulisan. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa dalam sesebuah karya-karya khususnya penulisan karya yang diguna pakai untuk pembelajaran mencerminkan pembentukan generasi itu sendiri.

Justeru, pemakaian bahasa ibunda yang betul dan beradab perlu diterapkan sejak daripada bangku sekolah. Hal ini bertujuan untuk memastikan murid-murid ini boleh menggunakan bahasa yang santun dalam kehidupan seharian mereka sekali gus mencerminkan akhlak dan budaya mereka sebagai generasi muda di negara ini. Oleh itu, kajian terhadap medium pembelajaran lain juga boleh diteliti bagi melihat penggunaan kesantunan bahasa agar bahan-bahan pembelajaran yang digunakan adalah relevan untuk dipelajari oleh murid-murid di sekolah.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian Norfaizah Abdul Jobar, Mohd Rashid Md Idris, Arif Mohamed, Nur Farakhanna Mohd Rusli & Zamri Mahamod. (2020). The Application of Literary Components (Komsas) Materials in Teaching and Learning the Malay Language among Secondary School Students. *Universal Journal of Educational Research*, 8(12A), 7547 - 7554.
- Ahmad Fuad Mat Hassan, Khairul Faiz Alimi, Hishamudin Isam & Mashetoh Abd Mutalib. (2020). Amalan Kesantunan Berbahasa dalam Komunikasi Formal dan Tidak Formal dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Komunikasi*, 36(4), 410-427.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana, Perbincangan, Perbahasan, Dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayuni Mohamad Bakari & Rohaidah Kamaruddin. (2019). Prinsip Kesopanan dalam Kesantunan Bahasa Drama Zahira. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 15 – 26.
- Ayuni Mohamad Bakari. (2017). *Kesantunan Berbahasa dalam Drama Zahira*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Chew Fong Peng & Nurmaziah Majelan. (2019). Pelaksanaan pendidikan perpaduan menerusi teks KOMSAS dalam kalangan pelajar tingkatan dua. *PENDETA*, 10, 75–90.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches (4th ed.)*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications Ltd.
- Hairul Anuar Harun & Mohd Azam Sulong. (2022). Perjuangan Hidup Melayu dalam Karya M. Nasir. *PENDETA*, 13(Fearute Article),1-16.
- Husairi Hussin, Nor Hasimah Ismail & Mohd Isha Awang. (2020). Keupayaan Novel Komsas Menerapkan Nilai Perpaduan Bersikap Terbuka dalam Kalangan Murid. *Malay Literature*, 33(2), 295–317.
- Indirawati Zahid & Arina Johari. (2018). Kesantunan Melayu: Analisis Konteks Perbualan dalam Rancangan Bual Bicara. *Journal of Language Studies*, 18(4), 168-185.
- Mohamad Zaki Abdul Halim & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2020). *Analisis Kesantunan Bahasa dan Keberkesanan Komunikasi dalam Skrip Drama: 'Wan Embong'*. Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani & Rohaya Md. Ali. (2018). Fenomena Kesantunan Bahasa Dalam Novel Lentera Mustika. *Ideology Journal*, 3 (2), 100-109.
- Nizar Parman. (2010). *Silir Daksina*. Utusan Publications & Distributors.
- Noor Fadilah Dawi & Asiah Abas. (2020). Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Murid Universiti Malaysia Sabah. *MANU 31 (2)*, 133-152.

- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan & Nik Norazira Abd Aziz. (2023). Kesopanan Berbahasa Masyarakat Malaysia Mengikuti Prinsip Kesopanan Leech. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 397-411.
- Nur Alisha Mengga. (2023). Unsur Tumbuhan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa. *PENDETA*, 14 (2), 1-10.
- Muhammad Nurhazwan Sabirin, Nur Farakhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). *Kesantunan Berbahasa dalam Laman Muka Buku Upsi Confession Berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1993)*. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-11.
- Sara Beden. (2019). Prinsip dan Strategi Kesantunan Penulisan dalam Artikel Ruangan Agenda Bahasa. *Issues in Language Studies*. 8 (1), 108-133.
- Sara Beden. (2020). Kesejajaran Kesantunan Bahasa dalam Perutusan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983), 24 (1), 051-080.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi Cerita-cerita Rakyat. *PENDETA*, 14(2), 56-70.